

Penduduk diminta waspada kemungkinan banjir kedua

ALOR STAR 27 Okt. - Meskipun keadaan banjir di negeri ini semakin pulih, namun penduduk diingatkan supaya terus berwaspada dengan kemungkinan berlakunya banjir 'kedua' dalam tempoh terdekat.

Menurut jurucakap Pejabat Kaji Cuaca Bayan Lepas, hujan lebat beserta ribut petir dan angin kencang yang berlaku sekarang diramalkan hanya akan berakhir pada pertengahan minggu depan.

Jurucakap itu berkata, fenomena itu berpunca daripada musim peralihan yang biasanya bermula pada bulan September selepas berakhirnya musim Monsun Barat Daya dan dijangka berterusan sehingga Oktober ini sebelum beralih kepada Monsun Timur Laut.

"Selagi belum berakhir monsun peralihan ini, selagi itulah kemungkinan kejadian hujan lebat beserta ribut petir akan berlaku. Ia biasanya terjadi pada sebelah petang sehingga malam.

Bersedia

"Sehubungan itu, penduduk khususnya di negeri-negeri utara Semenanjung diminta bersedia menghadapi kemungkinan ancaman banjir pada bila-bila masa dalam tempoh monsun tersebut," kata jurucakap itu ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, dalam perkembangan yang sama, jurucakap Bilik Gerakan Banjir Negeri Kedah ketika dihubungi memberitahu, keadaan banjir di negeri ini semakin pulih dengan seramai 72 mangsa dari Kampung Alor Gunong di sini yang ditempatkan di pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan Gunong pulang hari ini.

"Air pasang mulai surut dan aliran sungai yang semakin laju mempercepatkan air surut," katanya.

Menurut jurucakap itu, setakat pukul 12 tengah hari ini terdapat sejumlah 1,112 mangsa yang masih ditempatkan di 17 buah pusat pemindahan banjir.

Bagaimanapun, katanya, keadaan banjir di daerah Pendang masih tidak banyak berubah apabila tahap air di beberapa kawasan masih bertahan.

"Sehingga kini masih terdapat 209 orang mangsa banjir daripada 47 keluarga yang tinggal di Kampung Kubor Panjang, Lubok Batu dan Kubang Pinang di Pendang masih belum dibenarkan pulang," katanya.